



Headline: Jangan jawab nombor pelik
Publication/Portal: Utusan Malaysia
Date: 1 August 2019

Language: Malay
Section: Dalam Negeri
Page: 9

ANALISIS

Oleh HERMAN HAMID

Jangan jawab nombor pelik

MACAU Scam dan sindiket penipuan lain bukan baharu namun setiap hari ada sahaja kes dilaporkan di seluruh negara. Sebagai contoh, Sarawak mencatatkan 209 kes Macau Scam pada tahun 2018 dengan kerugian RM10.3 juta.

Melaka pula pada tahun lalu mencatatkan 146 kes melibatkan kerugian RM9.95 juta. Maka tidak hairanlah dari Januari hingga Oktober tahun lalu sahaja kerugian akibat jenayah penipuan termasuk Macau Scam di seluruh negara berjumlah RM4.2 bilion.

Biasanya mangsa Macau Scam diperdaya dengan penyamaran oleh sindiket. Ada adegan babak seperti panggilan dari balai polis, mahkamah, pejabat Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan agensi penguatkuasaan lain.

Bagaimana mangsa boleh 'kena lipat' oleh sindiket ini hanya menerusi panggilan telefon? Itu kena kajian mendalam modus operandi sindiket penipuan. Sekali fikir macam mustahil sehinggalah hal itu berlaku kepada insan terdekat dengan kita.

Maka, jangan cakap besar, hal ini boleh terjadi kepada diri sendiri jika tidak kena gaya. Jika tidak, takkan mangsa dari latar belakang kerjaya yang baik seperti pensyarah pun boleh diperangkap mereka.

Namun pastinya sindiket penipuan ini mengambil kesempatan ke atas mangsa yang jujur iaitu mem-

punyai kepatuhan undang-undang yang tinggi supaya mudah diperangkap dengan penyamaran babak dari balai polis tadi.

Sindiket ini terus cuba dan mencuba, ibarat singa memburu mangsa kawanan kerbau di savana, tiada putus asa sehingga menemui sasaran yang biasanya yang paling lemah dalam kawanan itu.

Memang sungguh durjana sindiket ini namun pada masa sama, timbul persoalan akaun yang digunakan. Ya, mereka guna kedai akaun dan bagi membendung sindiket ini, pihak berkuasa, bank dan agensi terlibat harus menutup ruang ini. Fikirkanlah selangkah daripada sindiket ini.

Selain itu, kempen kesedaran yang sedang digerakkan berhubung jenayah penipuan memang sangat membantu dan tentunya perlu dipergiatkan.

Satu aspek lagi, orang ramai kenalah tegas apabila menerima panggilan telefon 'mahluk' yang mengaku anggota polis, SPRM mahupun pegawai mahkamah. Tegaskan, apa-apa jumpa di balai polis, aturkan temu janji.

Tak apalah 'ketegaq sikit' pun. Ini negara yang mengamalkan kedaulatan undang-undang, jadi jangan takut sampai menurut sahaja kehendak sindiket untuk memindahkan wang. Atau lagi baik, jangan angkat langsung nombor mereka yang tidak dikenali!